



BH 26/6/14 MS 8



PANDA DAPAT NAMA BAHARU

» Xing Xing, Liang Liang ada ciri tempatan, tarik ramai pengunjung





Najib bersama Zaharin (kanan) menyaksikan Timbalan Presiden Zoo Negara, Rosly Ahmad Lana (duduk kiri) dan Ketua Pegawai Eksekutif IM4U, Azlan Rudy menandatangani perjanjian persefahaman antara Zoo Negara dan IM4U pada Majlis Perasmian Pusat Konservasi Panda Gergasi di Zoo Negara.

Oleh Mohd Azrone Sarabatin dan Ahmad Suhael Adnan
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Panda gergasi jantan Fu Wa dan betina, Feng Yi, yang dipinjamkan dari China, masing-masing menerima nama tempatan baharu, Xing Xing dan Liang Liang, semalam.

Xing Xing bermaksud makmur manakala Liang Liang bermakna cantik, yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, ketika merasmikan Pusat Konservasi Panda Gergasi dan sambutan Ulang Tahun Ke-50 Zoo Negara di sini, semalam.

Perdana Menteri berkata, nama

kedua-dua haiwan itu dipilih daripada senarai 2,000 cadangan dalam "Pertandingan Menamakan Pasangan Giant Panda" anjuran Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar pada tahun 2012.

Yang hadir sama, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Duta Besar China ke Malaysia, Dr Huang Huikang dan Presiden Zoo Negara, Datuk Zaharin Md Arif.

Pusat konservasi mula dibuka Sabtu ini.

Pihak zoo turut memberi peluang kepada kanak-kanak, warga tua, anak yatim yang mendiami rumah kebajikan dan orang kelainan upaya (OKU) masuk secara percuma selama sebulan bermula Sabtu ini.

Pada majlis itu Perdana Men-

teri turut menyampaikan hadiah kepada pemenang menamakan pasangan panda berkenaan iaitu pelajar dari Sandakan, Chia Chee Hee, 22, manakala Rosmah menyerahkan hadiah sama kepada guru dari Sungai Petani, Soon Choon Yen, 54.

Kedua-dua mereka masing-masing menerima sebuah kereta PROTON Preve.

Dalam pada itu, Najib berkata sebanyak RM25 juta dibelanjakan untuk pusat konservasi berkenaan, masing-masing RM10 juta sumbangan kerajaan manakala RM15 juta lagi sumbangan Yayasan 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Katanya, penempatan dua panda gergasi selama 10 tahun itu adalah sempena ulang tahun ke-40

hubungan diplomatik Malaysia-China yang mencerminkan kerjasama dua hala antara kedua-dua negara.

Beliau berkata hasil hubungan erat kedua-dua negara, jumlah perdagangan antara Malaysia dan China sebanyak AS\$200 juta (RM640 juta) pada tahun 1974 meningkat kepada lebih AS\$106 bilion (RM339 bilion) tahun lalu.

Najib berkata, beliau difahamkan sehingga kini China hanya menghantar 23 panda kepada 14 negara, justeru, sudah pasti penghantaran itu menjadi simbol dan lambang persahabatan kukuh kedua-dua negara sejak zaman dahulu.

"Saya harap pasangan panda ini tidak keliru sebab mereka sekarang ada dua nama iaitu nama China dan nama Malaysia," katanya berseloroh.


Beliau berkata, pasangan panda itu perlu diberi nama yang lebih menggambarkan identiti tempatan bagi menarik minat orang ramai menyaksikan haiwan itu dan mengunjungi Zoo Negara.

Dalam pada itu, Najib berkata pusat konservasi panda gergasi itu akan mula dibuka kepada awam pada Sabtu ini dan beberapa golongan berpeluang melihat pasangan panda itu secara percuma.

Perdana Menteri yang diiringi Rosmah kemudian melawat pusat konservasi itu dan menandatangani plak perasmian sebelum memberi makan kepada pasangan panda gergasi itu.

Penempatan dua panda gergasi selama 10 tahun itu adalah sempena ulang tahun ke-40 hubungan diplomatik Malaysia-China yang mencerminkan kerjasama dua hala antara kedua-dua negara.

Ita tiba di negara ini pada 21 Mei lalu menerusi Program Perjanjian Kerjasama Konservasi Antarabangsa Panda Gergasi.



BH 26/6/14 MS9



Orang ramai menyaksikan Xing Xing di Pusat Konservasi Panda Gergasi di Zoo Negara semalam.



LOKASI PUSAT KONSERVASI PANDA GERGASI, ZOO NEGARA



Guru, mahasiswa menang PROTON Preve



Najib memerhati Rosmah **menyuap makanan** kepada panda ketika melawat Pusat Konservasi Panda Gergasi di Zoo Negara.

[FOTO MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI/ BH]

Kuala Lumpur: "Panda itu perlu mendapat gelaran yang menggambarkan diri mereka, iaitu comel, cantik dan gembira.

"Selain itu, perkataan Liang Liang jika disebut dalam bahasa Melayu seolah-olah berbunyi 'riang-riang', jadi nama ini sangat unik."

Demikian kata guru dari Sungai Petani, Kedah, Soon Choon Yen, 54, yang memenangi hadiah sebuah kereta PROTON Preve, selepas nama yang dicadangkan untuk panda gergasi betina, Feng Yi, menang Pertandingan Menamakan Pasangan Giant Panda, semalam.

Beliau menerima replika kunci kereta itu daripada isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor.

Katanya, berdasarkan itu beliau mendapat ilham untuk memberikan nama tempatan dalam

bahasa Mandarin kepada haiwan berkenaan tanpa terlalu berharap untuk menang.

Seorang lagi pemenang yang memberikan nama Xing Xing untuk seekor lagi panda gergasi jantan, Fu Wa, Chia Chee Hee, 22, penuntut sebuah universiti di United Kingdom, turut menerima sebuah PROTON Preve daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Abang Chee Hee, Chia Chee Hong, 23, berkata dia tidak menyangka pilihan adiknya untuk menamakan Xing Xing yang bermaksud kemakmuran, akan dipilih menggantikan nama asal Fu Wa, dan berkongsi kegembiraan atas kejayaan itu.

Kedua-dua nama dicadangkan mereka adalah sebahagian daripada lebih 2,000 penyertaan pertandingan berkenaan yang dianjurkan Kementerian Sumber Asli

dan Alam Sekitar pada tahun 2012. Tinjauan BH mendapati orang ramai tidak sabar menunggu Pusat Konservasi Panda Gergasi dibuka kepada umum pada Sabtu ini.

Kakitangan awam, Che Zainab Abdullah, 51, berkata beliau tidak sabar untuk membawa keluarganya melihat haiwan itu kerana tidak pernah melihat haiwan eksotik itu dari jarak dekat.

"Bayaran masuk boleh dianggap berpatutan kerana ini satu peluang yang sangat baik untuk masyarakat Malaysia memerhati sambil belajar kehidupan haiwan yang tiada di Malaysia," katanya.

Dalam perkembangan lain, Presiden Persatuan Zoologi Malaysia, Datuk Zaharin Md Arif, menjangkakan Zoo Negara bakal menerima peningkatan mendadak jumlah pengunjung apabila Pusat Konservasi Panda Gergasi dibuka. Katanya, jangkaan itu berdasarkan penerimaan positif daripada orang ramai sejak panda gergasi ditempatkan di Zoo Negara.

"Kami juga membekukan cuti kakitangan sementara waktu sebagai persediaan menyambut pengunjung dan memastikan keadaan di Zoo Negara terkawal," katanya.



Chee Hong (kiri) bersama Choon Yen **dua pemenang yang memberi nama baharu kepada dua panda** pada majlis perasmian Pusat Konservasi Panda Gergasi di Zoo Negara.

Hadiah Utama
Pertandingan Menamakan Pasangan Panda